

Headline	TNB selesai 15,000 aduan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	1,12
ArticleSize	376 cm ²	Journalist	RIDAUDDIN DAUD
PR Value	RM 23,913		



TNB selesaikan 15,000 aduan kenaikan bil elektrik

TNB selesaikan 15,000 aduan

Syarikat utiliti nasional fokus selesaikan isu dihadapi pelanggan

RIDAUDDIN DAUD

BANGSAR

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menyelesaikan sebanyak lebih 15,000 kes daripada 18,600 aduan yang diterima syarikat utiliti itu berhubung kenaikan bil elektrik melibatkan pengguna di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Amir Hamzah Azizan berkata, sejak kelmarin TNB telah menyelesaikan hampir 85 peratus

kes yang diterima pada April dan Mei tahun ini dan kini hanya tinggal 3,500 kes yang masih belum selesai.

Menurutnya, meskipun semua aduan telah diatasi sepenuhnya, pihaknya masih akan memberi fokus untuk menyelesaikan siasatan dan mencari punca berlakunya masalah tersebut.

"Dari segi penyelesaian, kita nampak ada perkembangan. Selepas kita selesaikan semua aduan, kita masih fokus untuk menyelesaikan siasatan. Baki sebanyak 3,500 aduan yang belum diselesaikan, kita akan buat siasatan lebih teliti.

"Kalau kita siasat dan mendapati TNB tersalah, bil mereka berlebihan, kita akan pulangkan (kepada



Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah bersama Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie (dua dari kanan) dan Amir Hamzah (kiri) pada Majlis Mesra Aidilfitri TNB Peringkat Korporat 2019 di Kompleks Sukan TNB, Bangsar semalam.

pengguna)," katanya kepada pemberita pada Majlis Mesra Aidilfitri Tenaga Nasional 2019 di sini semalam.

Sementara itu, ketika ditanya berhubung penalti

yang akan dikenakan Suruhanjaya Tenaga (ST) terhadap TNB, Amir Hamzah menegaskan, fokus beliau sekarang adalah untuk menyelesaikan aduan pengguna terlebih dahulu.

"Buat masa ini saya tak tengok perkara (penalti) itu lagi. Yang penting kita selesaikan masalah pengguna dulu. Khidmat kepada pengguna paling penting. "Setakat ini kita tak

buat apa, kita tengok macam mana dulu. Kita bagi habis urusan pengguna dulu," katanya.

Beliau berkata, TNB sentiasa bekerjasama dengan ST dan berkongsi segala data serta maklumat dengan suruhanjaya tersebut.

Sementara itu, Amir Hamzah menjelaskan, segala urusan penetapan tarif baharu elektrik bukan di bawah bidang kuasa TNB.

"Tarif dikendalikan ST. Biasanya ia akan dibincangkan dan Kabinet akan melihatnya. Itu terpulung kepada apa yang ST buat. Ia bukan bidang kuasa TNB.

"Kena tunggulah. Kalau nak tahu apa yang telah ditetapkan, kena tunggu pengumuman dan tunggu ST kerana itu bukan bidang kuasa TNB," katanya.